Ini bermakna sesuatu kaedah yang diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran tidak semua murid boleh mengikuti dengan jayanya terutama murid ADHD. Contohnya kaedah menulis, ada murid boleh menulis tanpa alat bahan bantu mengajar dan ada murid memerlukan alat sokongan dalam meningkatkan kekemasan tulisannya. Oleh yang demikian keperluan bahan bantu mengajar (BBM) diperlukan dalam membantu meningkatkan kekemasan tulisan Bahasa Melayu murid ADHD. Untuk itu bagi mencapai maksud tersebut, perlunya mengenal pasti tahap keperluan modul BBM terhadap murid tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan pengajaran yang memenuhi keperluan gaya pembelajaran, akan meningkatkan prestasi pelajar selain memberi keberkesanan dan motivasi kepada pelajar itu sendiri. Tidak terkecuali setiap pelajar ADHD mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Oleh itu pelajar ADHD perlu diteliti mengikut gaya mereka belajar. Penyelidik merujuk kepada kerangka gaya pembelajaran Felder (1988), yang membuktikan bahawa dengan mengenal pasti gaya pembelajaran, pencapaian pelajar dapat dipertingkatkan setelah menggunakan kaedah pembelajaran yang sesuai.

Kajian ini dapat memberi kefahaman menyeluruh tentang pentingnya pemilihan BBM bagi murid ADHD. Terdapat kajian yang lepas yang menyatakan, seseorang murid ADHD untuk berjaya menulis dengan baik, murid itu hendaklah didedahkan dengan pelbagai model dan teknik penulisan, tetapi malangnya unsur ini kurang ditekankan oleh para guru. Dalam kajian yang lepas juga mengkaji kemahiran menulis dan mendapati kesedaran murid menggunakan kemahiran yang berkesan masih berada dalam paras yang rendah. Kajian yang dijalankan sejak se-dekad yang lalu mendapati bahawa strategi belajar bagi seseorang murid sangat berbeza antara satu sama lain. Oleh itu untuk melaksanakan pendidikan kepada murid ADHD, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran boleh diubah suai oleh guru berpandukan Kurikulum Pendidikan Khas (Bahagian Pendidikan Khas, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah, sumber dan program yang bersesuaian dengan strategi pembelajaran menulis dapat di pertingkatkan pencapaian seseorang murid dan boleh membawa ketahapyang lebih baik di masa depan. Selain itu juga mengesan gaya pembelajaran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



dominan dan hubungan dengan kemahiran murid. Secara realitinya masih terdapat guru yang kurang mengamalkan kualiti pengajaran yang betul dan berkesan. Oleh itu berpandukan bahan-bahan rujukan, aktiviti-aktiviti murid, kaedah-kaedah pengajaran betul dan guru-guru dapat membuat jadual masa yang mencukupi dengan masa pengajarannya. Semua penyelidikan ini perlu dilakukan agar modul BBM yang dibangunkan nanti dapat menepati kehendak sasaran. Menepati kehendak sasaran perlu diambil kira supaya modul yang di bangunkan dapat mencapai tujuan dan objektifnya. Kaedah *chalk and talk* masih lagi diguna pakai secara berleluasa dalam pengajaran.

Guru-guru mestilah mengubah cara pengajaran yang lebih sesuai mengikut keupayaan murid agar lebih seronok dan aktif dalam pembelajarannya. Kajian ini menunjukkan guru tidak kreatif dalam memilih, menyunting dan membina semula bahan pengajaran dari bahan-bahan yang sedia ada. Menurut Omar (2014), menyebut bahawa guru-guru masih lagi tidak berminat dengan penggunaan BBM kerana kurang kepercayaan terhadap penggunaannya dan hanya PdP secara konvensional sahaja yang ada dalam dan menguasai minda guru ini. Hal ini tidak sepatutnya berlaku terutama murid-murid ADHD amat memerlukan BBM yang bersesuaian dengan keupayaan pembelajaran mereka. Jika tidak mempunyai BBM mereka ini menghadapi kesukaran dalam menyelesaikan masalah dalam aktiviti pembelajaran apatah lagi yang melibatkan aktiviti susunan atau prosedur (Mohd Zuri Ghani, 2013). Masalah yang berlaku terutama dalam kalangan ADHD maka penyelidikan terhadap pembangunan BBM, pengesahan kesesuaian BBM k-MAGIK amat diperlukan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



menulis dalam kalangan murid ADHD di PPKI. Kajian ini menjelaskan bahawa masalah kekemasan tulisan perlu ditingkatkan dengan Modul BBM k-MAGIK. Perlu diambil kira bahawa modul yang dibangunkan ini bersesuaian dengan murid ADHD selepas penyelidik membuat semua penyelidikan berkaitan kriteria-kriteria yang perlu dilakukan agar modul ini berjaya dibangunkan, dapat menepati sasaran dan berjaya mengesahkan kesesuaiannya.

## 1.4 Tujuan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk pembangunan dan pengesahan Modul BBM k-MAGIK terhadap kekemasan tulisan Bahasa Melayu murid *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) di PPKI.

## 1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian pengkaji telah mengenalpasti tiga objektif kajian, objektif kajian tersebuat adalah seperti berikut:

i. Mengenal pasti tahap keperluan Modul BBM dalam membantu kekemasan tulisan Bahasa Melayu murid *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



ii. Pembangunan Modul BBM k-MAGIK dibuat bagi membantu meningkatkan kekemasan tulisan Bahasa Melayu murid *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) supaya menepati sasaran.

iii. Pengesahan Modul BBM k-MAGIK terhadap kekemasan tulisan Bahasa Melayu murid *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) di PPKI .

## 1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, beberapa soalan kajian telah dibentuk. Kajian ini bertujuan mencari jawapan kepada soalan-soalan kajian seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Apakah tahap keperluan Modul BBM k-MAGIK dapat membantu meningkatkan kekemasan tulisan Bahasa Melayu murid *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* ?

ii. Adakah pembangunan Modul BBM k-MAGIK boleh menepati sasarannya?

**iii.** Adakah Modul BBM k-MAGIK dapat disahkan kesesuaiannya untuk membantu meningkatkan kekemasan tulisan Bahasa Melayu murid *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) di PPKI ?

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Modul BBM k-MAGIK ini dibangunkan berdasarkan Model ADDIE dengan teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pembelajaran iaitu Teori Tingkah laku dan Teori Humanistik. Mengikut Ghazali dan Sufean (2016), mendefinisikan kerangka konsep konseptual kajian sebagai suatu gambar rajah yang menggambarkan secara simbolik dan abstrak tetapi mampu menjelaskan idea yang berkaitan dengan elemen kajian.Kesimpulannya terdapat beberapa elemen yang perlu diambil kira dalam merangka konseptual pembangunan dan pengesahan Modul BBM k-MAGIK terhadap kekemasan tulisan murid.




*Rajah 1.2.*Kerangka Konseptual Kajian Modul BBM k-MAGIK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Rajah 1.3.* Carta Alir Proses Kajian pembangunan dan pengesahan Modul BBM k-MAGIK terhadap kekemasan tulisan murid ADHD

Rajah 1.3 menunjukkan carta alir proses kajian pembangunan Modul BBM dibina dengan mengadaptasi model ADDIE. Analisa keperluan Modul BBM dihuraikan sebagai pentaksiran keperluan dalam persekitaran pembelajaran yang membekalkan maklumat bagi membina matlamat program. Tujuan analisis keperluan Modul BBM ialah untuk mengetahui aspek-aspek BBM yang perlu diberikan kepada sasaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Penyelidik mendapatkan maklumat pengetahuan dan kemahiran guru PPKI tentang bagaimana caranya yang sepatutnya dilakukan supaya murid boleh meningkatkan dan seterusnya menguasai kekemasan tulisan Bahasa Melayu dengan baik dalam kajian ini.

### 1.7.1 Model Reka Bentuk Pengajaran ADDIE

Pengkaji memilih model ADDIE berdasarkan kajian perpustakaan antaranya menurut Isman, A, Abanmy, F.A.A.,Hussein,H.B. & Al Saadany, M.A.R (2012), model ADDIE sangat popular dan merupakan model generik dan kebanyakan bentuk pengajaran diadaptasikan menggunakan model ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model ADDIE melibatkan lima peringkat elemen iaitu i) *analyze* -analisis keperluan mencari tentang apa, bagaimana, objektif dan hasil yang dingini. ii) *design*-rekabentuk aktiviti pengajaran dan pelan keseluruhan seperti had masa, strategi, penyediaan sumber. iii) *develop* - pembangunan modul iaitu bahan dan panduan pengajaran dibina. iv) *implement* - pelaksanaan modul dalam situasi yang sebenar. v) *evaluate* - penilaian untuk melihat keberkesanan modul pengajaran. (Gustafson dan Branch, (2002). Semua lima elemen ini mesti melalui semakan terlebih dahulu sebelum modul dibentuk. Semakan sangat penting supaya untuk penambahbaikan modul dapat dilakukan bersesuaian dengan golongan murid berkeperluan khas (MBK) ADHD rmasalah pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

*Rajah 1.4.*Semakan lima elemen utama reka bentuk model pengajaran ADDIE. Diadaptasikan dari Gustafson & Branch (2002).

Rajah 1.4*:* Menunjukkan semakan mesti dilakukan terhadap lima elemen utama reka bentuk berpandukan model pengajaran ADDIE. Untuk semakan setiap model ADDIE seperti rajah tersebut

**1.7.2 Teori Pembelajaran**

Menurut Ormrod (2011), menjelaskan bahawa pengajaran adalah aktiviti kompleks yang melibatkan penguasaan pelbagai kemahiran. Ini bermaksud Teori Pembelajaran merujuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kepada prinsip-prinsip dan hukum-hukum pembelajaran yang dihasilkan dari kajian ahli-ahli psikologi pendidikan. Melalui teori pembelajaran ini, murid akan memahami pelbagai cara untuk belajar dan menghubungkaitkan prinsip dan hukum pembelajaran dengan kaedah dan teknik untuk mencapai obkektif pelajaran dengan berkesan. Menurut Mok Soon Sang (2010), Prinsip pendekatan Carl Rogers (1902-1987) prinsip pendekatan pendidikannya berpusatkan murid, pembelajaran berasaskan kebebasan (*freedom to learn*), pembelajaran boleh berlaku apabila murid melibatkan diri dan mengambil inisiatif sendiri dalam aktiviti pembelajaran. Sebahagian Teori Pembelajaran adalah Teori Humanis dan Teori Tingkah Laku. Dua teori pembelajaran ini pengkaji sesuai untuk diaplikasikan dalam aktiviti-aktiviti Modul BBM yang akan dibangunkan nanti. Pembelajaran akan melibatkan pengajaran yang dijalankan bertujuan untuk membantu ahli-ahli dalam organisasi mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran kebolehan dan sikap yang diperlukan oleh organisasi tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.7.2.1 Teori Pembelajaran Humanistik

Ahli mazhab ini termasuk Cal Rogers menyatakan bahawa setiap individu mempunyai potensi dan keinginan mencapai kecemerlangan kendiri maka guru hendaklah menjaga kendiri murid dan memberi bimbingan supaya potensi murid dapat dikembangkan ketahap maksima. Ia berpendapat pembelajaran manusia bergantung kepada emosi dan perasaanya dan menegaskan individu mempunyai cara belajar yang berbeza dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



individu lain. Oleh itu starategi PdP hendaklah diaturkan mengikut kehendak dan perkembangan emosi murid tersebut.

Rasional pemilihan Teori Pembelajaran Humanistik untuk membina BBM k-MAGIK murid ADHD kerana ia merangkumi komponen penting pembelajaran manusia dan ia bergantung kepada emosi dan perasaannya sendiri. Seseorang individu mempunyai cara dan pendekatan belajar yang berbeza dengan individu yang lain. Terdapat beberapa perbezaan teori berkenaan gaya pembelajaran yang mana masing-masing mempunyai pendapat yang berlainan. Sesetengah teori pembelajaran berasaskan teori psikologi seperti personaliti dan akal manakala pendapat lain pula menumpukan pada fungsi otak dan persekitaran pembelajaran. Menurut Model Felder (1988), adalah model gaya pembelajaran yang terkenal dan telah dibangunkan untuk menerangkan gaya pembelajaran dalam pendidikan dan mencadangkan gaya pembelajaran yang berbeza untuk memenuhi keperluan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid ADHD memerlukan perancangan strategi dan susunan pembelajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan berdasarkan keupayaan dan perkembangan emosi mereka. Guru hendaklah sentiasa membimbing murid ini supaya potensi mereka dapat dikembangkan lagi ketahap optimun. Jika emosinya tidak stabil maka pembelajaran akan tertangguh. Oleh itu guru hendaklah membimbing dan mengawal emosi murid dengan menggunakan modul ini agar PdP dapat dijalankan dengan baik dan menepati keupayaannya kerana emosi akan mempengaruhi pembelajarannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.7.2.2 Teori Pembelajaran Tingkah Laku

Tokoh mazhab terpengaruh ini ialah Parlov, Thorndike dan Skinner yang menyatakan bahawa pembelajaran adalah berkaitan dengan perubahan tingkah laku yang dihasilkan dari rangsangan dan tindakbalas yang menghasilkan tingkah laku. Mazhab ini menyatakan tingkah laku ini boleh dikawal dan diramal. Menurut Hasil kajian Skinner mendapati peneguhan berlaku melalui suatu proses yang menggunakan peneguh positif untuk mengukuh dan mengekalkan sesuatu tingkah laku yang dihasilkan. Peneguhan positif juga diberikan untuk meransangkan murid supaya menambahkan lagi rangsangan gerak balas murid dan ini menyeronokkan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menggunakan prinsip Jadual Peneguhan Skinner untuk merancang dan melaksanakan peneguhan berterusan dan berkala yang bersesuaian agar menjamin tingkah laku dapat dikekalkan. Kadangkala peneguhan negatif sesuai digunakan untuk mendapat tingkah laku yang diingini seperti menarik balik masa rehat yang diberikan jika murid tidak mematuhi peraturan dan disiplin bilik darjah atau murid tidak mematuhi arahan guru. Pengkaji menggunakan teori pembelajaran tingkah laku (behaviorisme) ini adalah kerana teori ini berkaitan dengan tingkah laku murid berkeperluan khas seperti ADHD yang kurang upaya iaitu tiada tumpuan kepada PdP maka bahan bantu mengajar (BBM) dibangunkan untuk meransang murid supaya murid ini boleh meningkatkan daya tumpuannya untuk menulis. Meningkatnya daya tumpuan menulis menyebabkan murid kerap menulis. Dengan kerap menulis maka corak tulisan dapat diperbaiki secara beransur-ansur. Bagi murid ADHD yang menghadapi masalah tingkah laku yang negatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



seperti "tidak duduk diam" atau "kurang tumpuan" adalah salah satu sebab menyebabkan masalah penguasaan kemahiran menulis tidak dapat dijalankan ini. Modul BBM k-MAGIK ini juga bertujuan untuk mengurangkan tingkah laku negatif ini dan akan memberi peneguhan yang berterusan kepada tingkah laku positif seperti tekun dalam menggunakan BBM ini.

Murid ADHD ini dapat membina keyakinan diri kerana dapat menguasai kemahiran menulis yang diterapkan ini.Penguasaan kemahiran menulis dengan kekemasan yang baik, membolehkan murid dapat memberi tumpuan dan bersikap positif terhadap pembelajaran. Ini bermakna teori pembelajaran tingkah laku diperkenalkan oleh Pavlov dan dikembangkan lagi oleh Thondike dan Skinner yang berpendapat bahawa rangsangan dan tindakbalas akan menghasilkan perubahan dalam tingkah laku. Secara langsung teori tingkah laku ini menyatakan bahawa pembelajaran dan pembelajaran (PdP) akan mempengaruhi segala perbuatan dan tingkah laku murid samada baik atau sebaliknya. Teori ini juga menjelaskan bahawa tingkah laku murid boleh diperhatikan, dikawal dan diramal.

Kesimpulannya murid ADHD mesti diberi dirangsangan dengan BBM yang bersesuaian supaya tindak balas perlakuan positif dapat dikekalkan. Tingkah laku positif seperti dapat menumpukan perhatian dalam pembelajaran dalam tempoh PdP yang ditetapkan. Rangsangan yang baik dan berterusan akan menghasilkan tindakbalas yang baik dan dengan itu aktiviti menulis dalam kelas berjalan dengan lancar. Secara tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



langsung Modul BBM k-MAGIK dapat dijalankan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan bentuk tulisan yang lebih kemas dapat ditingkatkan.melalui penyelidikan ini penyelidik dapat mengkaji, memahami dan mengenal pasti keperluan murid ADHD berdasarkan teori tingkah laku dan humanisme serta model ADDIE dalam pembangunan Modul BBM k-MAGIK ini.

## 1.8 Definisi Operasional

Definisi-definisi yang diguna pakai dalam kajian ini adalah istilah khusus yang digunakan iaitu pembelajaran, BBM, menulis sekata, dan PPKI. Istilah-istilah ini adalah tunjang kepada kajian ini. Untuk memahaminya secara jelas akan diterangkan secara konseptual istilah-istilah berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.8.1 Pembelajaran

Menurut Alijah Ujang (2016), Robert M. Gagne merupakan salah seorang ahli-ahli psikologi yang berpendapat bahawa pembelajaran ialah suatu proses dalaman yang berlaku dalam akal fikiran dan tidak dapat diperhatikan secara langsung dari tingkah laku manusia. Dalam kajian ini bagi murid berkeperluan khas (MBK) termasuk ADHD jenis pembelajaran ini seharusnya dipupuk secara berperingkat supaya mereka yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



berkefungsian rendah dapat diasuh untuk berfikir dengan lebih baik dan bermakna seterusnya dapat mengikuti pembelajaran dengan lebih berkesan.

### 1.8.2 Tingkah Laku

Menurut Kamus Dewan (2010), tingkah bermaksud ragam, perangai manakala laku pula bermaksud perangai, gerak-geri, kelakuan atau perbuatan. Dengan kata lain tingkah laku adalah ragam dan perbuatan yang dilakukan oleh individu sama ada disedari atau tidak. Tingkah laku juga adalah gerak geri, kelakuan, tabiat atau watak. Menurut Roshiza Abdul Wahab (2015), murid ADHD tidak dapat lari dengan tingkah laku negatif seperti tingkah laku negatif iaitu sikap murid yang suka bergerak sesuka hati semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya tingkah laku positif ialah murid ADHD akan menyiapkan tugasannya dan tidak berjalan-jalan untuk mengganggu rakan lain dalam kelas semasa proses PdP berlangsung. Oleh itu tingkah laku membawa maksud bahawa perbuatan atau apa yang dilakukan oleh murid.

### 1.8.3 Tulisan

Menurut Abbak (2011), menulis ialah mencatat huruf dengan pena. Ini bermaksud tulisan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



ialah hasil dari menulis atau sesuatu yang ditulis. Tulis bermaksud catat kata-kata dengan huruf-huruf menggunakan pen, pensel dan lain-lain diatas kertas, papan hitam dan lain-lain atau menyatakan perasaan atau fikiran dengan tulisan. Kamus Dewan (2010) menyatakan bahawa lambang-lambang bunyi bahasa yang telah dipindahkan dalam bentuk grafik bagi melahirkan perasaan, fikiran dan idea adalah dipanggil tulisan. Ini bermakna menulis pula ialah memindahkan lambang-lambang bunyi yang tersusun dan teradun bagi melahirkan bunyi-bunyi yang bermakna dan dijadikan komunikasi.

### 1.8.4 Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PPKI adalah singkatan kepada Program Pendidikan Khas Integrasi. Mengikut peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997 Bahagian 113(2), PPKI ialah murid ditempatkan di kelas khas di sekolah harian biasa supaya mereka dapat bergaul dengan murid biasa dan tidak rasa terpinggir. Program diwujudkan di sekolah harian biasa (rendah, menengah, dan sekolah teknik/vokasional) yang menggunakan pendekatan pengajaran pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif. Menurut kamus dewan masalah pembelajaran ialah kanak-kanak yang mempunyai masalah dalam penerimaan pembelajaran yang telah dikenalpasti dan disahkan oleh pakar profesional klinikal sebagai mengalami kecacatan yang mengakibatkan menganggu proses pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.8.5 Modul BBM k-MAGIK

Menurut Ashaver dan Igyuve (2013), BBM ialah alat atau perkakasan yang digunakan untuk membantu pengajaran dan digunakan untuk membantu peralatan pengajaran yang asas seperti papan putih atau papan hitam, kapur tulis atau marker pen, radas atau bahan amali. Kesimpulannya modul ialah satu cara pengajaran dan pembelajaran berkaitan sesuatu tajuk atau topik yang dipilih secara sistematik dan tersusun.

Dalam konteks kajian ini BBM ialah singkatan bahan bantu mengajar yang digunakan sebagai bahan untuk membantu dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik atau luar bilik darjah. Hasil penyelidikan Mehmet dan Ali (2007) mendapati sememangnya sangat penting bagi guru bagi menyediakan pelbagai bentuk bahan pengajaran kerana daya tumpuan, minat dan motivasi murid semasa pembelajaran dapat dikekalkan lebih lama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, modul BBM k-MAGIK ialah alat tambahan yang digunakan untuk membantu murid meningkatkan penguasaan kemahiran menulis agar dapat menulis dengan tulisan yang sekata dan teratur dan boleh dibaca dengan baik. Jadual di bawah adalah huraian maksud singkatan perkataan BBM k-MAGIK. Maksud perkataan B adalah bahan, B adalah bantu dan M adalah mengajar. Manakala perkataan k adalah kaedah, M adalah Magik, A adalah atas, G adalah garisan, I adalah ikut dan K adalah kad. Kesimpulannya adalah menulis atas garisan mengikut kad. Kad ini dicipta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



oleh penyelidik. Kad ini digunakan sebagai alat Bahan Bantu Mengajar yang boleh membantu kekemasan tulisan Bahasa Melayu dalam kalangan murid ADHD.

Jadual 1.2

*Menunjukkan huraian maksud singkatan perkataan BBM k-MAGIK*

| Singkatan Huruf | Petunjuk | Penyataan |
|---|---|---|
| B | ➢ | Bahan |
| B | ➢ | Bantu |
| M | ➢ | Mengajar |
| k | ➢ | kaedah |
| M | ➢ | Menulis |
| A | ➢ | Atas |
| G | ➢ | Garisan |
| I | ➢ | Ikut |
| K | ➢ | Kad |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Diadaptasi singkatan perkataan nama modul BBM k-MAGIK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Rajah 1.5*.Ilustrasi BBM k-MAGIK

Rajah 1.5 menunjukkan Ilustrasi Bahan Bantu Mengajar yang dinamakan k-MAGIK yang dibangunkan untuk kemudahan murid ADHD menggunakannnya untuk meningkatkan kekemasan tulisan Bahasa Melayu. Keluasan BBM k-MAGIK ini ialah 10sm X 4sm. Tinggi 10sm dan lebar 4sm. Pada bahagian kiri BBM ini ditebuk 1sm lebar dan 7sm tinggi yang bertujuan murid boleh menulis di dalam lubang yang ditebuk ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.8.6 Kekemasan dan Tulisan Sekata

Tulisan ialah perkataan imbuhan berasal dari perkataan tulis. Sekata ialah sama, serupa, tidak berbeza atau tidak berlainan rupa bentuk dan keadaan tersebut, Kamus Dewan (2010) Kesimpulannya penulisan yang sekata ialah tulisan yang sama huruf dari segi bentuk dan saiznya dengan kata lain boleh dibaca dengan baik tulisan tersebut. Kesimpulannya penulisan yang sekata adalah penulisan yang kemas.

### 1.8.7 *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Individu yang mempunyai simptom *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) adalah golongan murid berkeperluan khas (MBK) dan mereka ini adalah murid kurang upaya. Kurang upaya berkait rapat dengan masalah kognitif (Drake, 1996), mental (*Amerikan Psychiatric Association*,), emosi, tingkah laku dan ciri yang berkaitan dengan kekurangan yang menyebabkan ini termasuk dalam golongan kurang upaya (Farrel, 2011).

### 1.8.8 Kesesuaian

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) kesesuaian ialah keadaan atau perihal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



yang sesuai, keselarasan atau kesamaan, manakala kamus pelajar menyatakan keadaan atau yang sesuai. Kesimpulannya kesesuaian dalam kajian ini bermaksud BBM k-MAGIK yang diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran untuk murid ADHD adalah selaras dengan keupayaan dan kebolehan murid ini.

## 1.9 Batasan Kajian

Kajian ini menyenaraikan lima batasan yang perlu di lakukan oleh pengkaji iaitu meliputi (i) Batasan Modul BBM k-MAGIK (ii) Batasan Penguasaan Kemahiran Menulis, (iii) batasan sampel kajian dan iv) Batasan Lokasi Kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.1 Batasan Modul BBM k-MAGIK

Modul BBM k-MAGIK yang dibangunkan untuk murid ADHD ini bagi meningkatkan kekemasan tulisan Bahasa Melayu adalah merupakan kad yang dinamakan k-MAGIK. Gunanya kad ini adalah untuk membantu membentuk tulisan yang kemas. Rasional pemilihan modul BBM k-MAGIK dikaji adalah kerana hampir semua pembelajaran melibatkan aktiviti menulis. Jika tulisan yang teruk atau tidak kemas akan memberi kesan atau impak kepada pembelajaran murid tersebut. Oleh itu modul BBM k-MAGIK ini digunakan untuk membantu kekemasan tulisan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Modul BBM k-MAGIK ini dibangun berdasarkan masih ramai murid ADHD yang belum boleh menulis dengan tulisan yang kemas. Prestasi ini dinilai berdasarkan hasil temubual guru terhadap tahap penguasaan murid berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Bahasa Melayu tahun lima (2014) yang mengandungi konstruk kemahiran menulis.

Standard prestasi dan tahap penguasaan murid boleh dijadikan panduan dalam membuat penilaian tulisan murid. Mengikut guru yang mengajar murid ADHD ini, kebanyakan murid ini hanya mampu mencapai tulisan tahap penguasaan dua sahaja iaitu hanya boleh menulis perkataan sahaja. Untuk keterangan lanjut sila rujuk jadual 1.3 di bawah.:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.3

*Standard prestasi dan tahap penguasaan murid*

| Tahap Penguasaan | Tafsiran |
|---|---|
| 1 | Menyalin perkataan |
| 2 | Menulis perkataan |
| 3 | Menulis perkataan  secara tertib |
| 4 | Menulis perkataan secara tekal dan tertib |
| 5 | Menulis perkataan secara yakin dan tertib |
| 6 | Menulis perkataan secara yakin dan tertib serta boleh dicontohi |

Adaptasi KSSRPK, KPM (2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.9.2 Batasan Penguasaan Kemahiran Menulis

Modul BBM k-MAGIK ini dibangunkan oleh pengkaji hanya bertujuan untuk membantu meningkatkan kekemasan tulisan Bahasa Melayu murid ADHD yang tidak sekata, comot dengan kata lain tulisan murid ini tidak boleh dibaca dengan baik. Diharapkan dengan modul ini murid dapat menulis dengan tulisan yang kemas dan lebih baik berbanding sebelum menggunakan modul ini.

### 1.9.3 Batasan Sampel Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sampel penyelidikan dilakukan kepada 20 orang murid berkeperluan khas (MBK) dinamakan peserta atau sampel kajian. Sampel kajian ini adalah terdiri murid berkeperluan khas (MBK) *Attention Deficit Hyperactive Disorder* (ADHD) yang belum menguasai kemahiran menulis dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dengan baik. Hasil dapatan nanti, berupaya untuk mengesahkan kesesuian BBM k-MAGIK ini.

### 1.9.4 Batasan Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan untuk pembangunan dan pengesahan Modul BBM k-MAGIK terhadap kekemasan tulisan murid ADHD di sekolah kebangsaan harian yang mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sekolah kebangsaan ini dipilih sebagai sampel kajian kerana mempunyai murid ADHD yang paling ramai di antara sekolah kebangsaan lain di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Secara tidak langsung sampel untuk kajian kekemasan tulisan di sekolah ini meningkat dan dapatan hasil kajian semakin stabil dan tekal.

### 1.9.5 Batasan Masa Kajian

Tempoh masa kajian dijalankan oleh pengkaji berjumlah lapan minggu dengan 240 minit dengan satu waktu berjumlah 30 minit. Selama lapan sesi bersama-sama dengan murid ADHD. Jangka masa ini berdasarkan modul yang mempunyai enam sub-tajuk yang perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana kesesuaian penggunaan Modul BBM k-MAGIK dalam membentu meningkatkan kekemasan tulisan Bahasa Melayu terhadap murid ADHD.

## 1.10 Kepentingan Kajian

Penyelidikan pembangunan dan pengesahan Modul BBM k-MAGIK adalah untuk membantu murid ADHD terhadap kekemasan tulisan Bahasa Melayu adalah merupakan usaha ke arah menyumbangkan kaedah dan strategi PdP yang berkesan dan digunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pakai untuk disebarluas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) kepada semua pihak yang berkaitan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), guru-guru, ibu bapa dan murid-murid dalam pembelajaran mereka.

### 1.10.1 Kepentingan Kajian Kepada JPN, BPKhas dan KPM

Penyelidikan pembangunan dan pengesahan Modul BBM k-MAGIK terhadap kekemasan tulisan Bahasa Melayu murid ADHD di PPKI memberikan dapatan yang boleh membantu murid untuk menguasai kemahiran penulisan dengan kemas dan teratur. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan dan sangat bermanfaat kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN),

Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) dan Kementerian Pendidikan Malayisia (KPM). Kajian tinjauan keperluan pembangunan Modul BBM ini menyediakan input-input yang berguna kepada murid berkeperluan Khas (MBK) khususnya ADHD bagi meningkatkan kekemasan tulisan Bahasa Melayu dalam penulisan mereka. Pencapaian tersebut antaranya ialah:-

i. Kajian ini dapat memberi bukti empirikal mengenai kesesuaian penggunaan Modul BBM k-MAGIK terhadap murid ADHD. Gabungan teori dan model pembelajaran diguna pakai bagi pembangunan Modul BBM k-MAGIK yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bertujuan untuk membantu meningkatkan tulisan Bahasa Melayu murid berkeperluan khas ADHD. Reka bentuk BBM yang dibangunkan adalah melalui kesepakatan pakar berpotensi memberi input kepada JPN, BPKhas dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

ii. Selain itu kajian ini memberi gambaran positif bagaimana Modul BBM k-MAGIK dijalankan. Seterusnya dapatan dari fasa reka bentuk BBM melalui instrumen soal selidik kesahan pakar merupakan dapatan yang unik kerana ia merupakan kesepakatan daripada beberapa pakar dalam bidang yang berkenaan. Dapatan ini boleh membantu bahagian perkembangan kurikulum BPKhas dalam menambahkan BBM yang bersesuaian untuk murid ADHD. Dari segi bahan bantuan mengajar, Modul BBM k- MAGIK ini dapat dijadikan sebagai altenatif kepada penambahan kurikulum dalam mata pelajaran Bahasa Melayu untuk memurnikan lagi isi kandunganya. Dengan menggunakan BBM ini, pihak JPN, BPKhas dan KPM dapat mengetahui bagaimana BBM k-MAGIK ini dibangunkan dan diguna pakai oleh murid ADHD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.10.2 Kepentingan Kajian kepada Murid dan Ibu Bapa

Melalui Modul BBM k-MAGIK ini, penyelidik dapat mengenal pasti keperluan platform yang sesuai bagi mengaplikasikan BBM yang telah dibangunkankan memandangkan pendekatan Modul BBM k-MAGIK dalam penulisan ini memberi kesan positif kepada murid, namun jika penggunaannya yang tidak tepat akan mengakibatkan kegagalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Modul BBM yang dilbangunkan ini bertujuan untuk membantu murid meningkatkan kekemasan tulisan dengan menggunakan Modul BBM k-MAGIK. Kajian ini dengan jelasnya memperlihatkan bahawa kaedah BBM k-MAGIK yang diguna pakai ini boleh meningkatkan minat ibu bapa supaya menggunakan pendekatan ini terhadap anak mereka di rumah.

### 1.10.3 Kepentingan Kajian Guru-guru, Sekolah Khas dan PPKI

Modul BBM k-MAGIK yang dihasilkan dalam kajian ini merangkumi matlamat, kandungan, implementasi dan penilaian boleh digunakan di mana-mana sekolah yang mempunyai PPKI terutama murid ADHD yang mana aktivitinya menekankan pendekatan penulisan yang sekata dan kemas supaya murid boleh membaca tulisannya sendiri. Justeru, kajian ini amat penting supaya dapat menghasilkan satu reka bentuk BBM yang mempunyai matlamat bagi membantu kesamarataan pendidikan kepada murid ADHD yang mempunyai masalah untuk menguasai kemahiran menulis dengan kemas.

Diharapkan hasil penyelidikan ini dapat membantu guru-guru mengguna pakai BBM ini iaitu k-MAGIK di dalam meningkatkan kemahiran menulis murid ADHD yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mempunyai tulisan ‘cakar ayam’. Guru-guru boleh merancang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) ini dengan menggunakan modul BBM k-MAGIK ini untuk menarik minat murid menulis dengan tulisan yang lebih baik dari sebelumnya. Sekolah pendidikan khas dan sekolah yang mempunyai program PPKI juga boleh diguna pakai bagi memastikan BBM k-MAGIK ini dapat digunakan kepada murid yang menghadapi masalah corak tulisan yang tidak kemas atau tidak sekata.

## 1.11 Rumusan

Secara kesimpulannya bab ini menjelaskan bahawa asas-asas kajian yang akan dilaksanakan dalam penyelidikan nanti. Penjelasan kepada latar belakang kajian dan persoalan kajian menggambarkan perkara utama yang menjadi penyebab untuk pengkaji melaksanakan kajian pembangunan dan pengesahan Modul BBM k-MAGIK terhadap kekemasan tulisan Bahasa Melayu dalam kalangan murid *Attention Deficit Hyperactivity Disorder*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi